

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

'Produk sampah' makin berleluasa dalam talian

Ramai masyarakat terpengaruh rawatan komplementari ditawarkan

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Lambakan 'produk sampah' termasuk rawatan komplementari yang ditawarkan kepada masyarakat terutama secara jualan dalam talian, boleh mendatangkan bahaya terhadap pengguna dalam jangka panjang.

Produk yang tidak boleh merawat pelbagai penyakit dan ditampilkan dengan bukti keberkesanan, didapati semakin berleluasa berlegar dalam talian walaupun tidak mempunyai kelulusan Kementerian Kesihatan (KKM).

Presiden Persatuan Farmasi Malaysia (MPS), Amrahi Buang, berkata lebih membimbangkan, ramai dalam kalangan masyarakat terpengaruh dengan produk berkenaan termasuk ubat dan ubat komplementari, termasuk penghidap penyakit kronik.

Justeru, beliau menggesa kerajaan mengambil tindakan tegas dalam isu berkenaan.

"Pengguna perlu menjauhi membeli produk sampah yang berleluasa di media sosial.

"Kerajaan perlu bertegas terhadap mereka yang menjual produk sampah ini, yang sangat me-

mudaratkan pengguna dan pesakit," katanya kepada *BH*, semalam.

Beliau mengulas laporan muka depan *BH* kelmarin, mengenai kira-kira 72 peratus pesakit buah pinggang di negara ini yang menjalani rawatan dialisis, dikesan lebih cenderung mengambil ubat tradisional dan ubat tambahan tanpa merujuk doktor yang merawat mereka.

Penemuan itu berdasarkan kajian Pakar Nefrologi dan Perubatan Dalaman, Hospital Putrajaya, Dr Rafidah Abdullah bersama dua lagi doktor pakar ke atas 329 pesakit buah pinggang di Malaysia diterbitkan dalam jurnal antarabangsa, *BMC Complementary Medicine and Therapies*, tahun lalu.

Sebahagian daripada pesakit juga percaya kononnya ubat hospital boleh merosakkan organ dalaman, menyebabkan mereka bergantung kepada ubat tradisional dan suplemen sebagai penawar serta jalan keluar mengubati penyakit.

Amrahi berkata, semua ubat dan suplemen di negara ini perlu didaftarkan dengan KKM, ubat tradisional dan komplementari,



justeru masyarakat perlu bertindak bijak dengan hanya mendapatkan ubat yang berdaftar.

Pada masa sama, beliau meminta ahli farmasi komuniti supaya mendidik masyarakat mengenai penyakit tidak berjangkit (NCD) dan penggunaan ubat-ubatan jangka panjang yang memberi kesan langsung kepada fungsi buah pinggang.

Sistem perkumuhan dalam tubuh badan memabutkan fungsi buah pinggang dan hati, justeru katanya, apa juga produk atau ubat yang masuk ke dalam tubuh akan berkaitan dengan organ berkenaan.

"Masyarakat perlu mempunyai kecekapan mengenai NCD seperti diabetes dan hipertensi, yang mempunyai impak tinggi kepada fungsi buah pinggang. Mereka perlu berhati-hati dan mendapatkan khidmat nasihat daripada

doktor serta ahli farmasi.

"Masyarakat terutama yang mempunyai penyakit perlu mendapatkan produk atau ubat daripada ahli farmasi komuniti, yang akan memberikan khidmat nasihat secara profesional.

"Ahli farmasi juga mesti merujuk pengguna atau masyarakat yang mempunyai NCD kepada doktor," katanya.

Amrahi berkata, isu sebenar yang menyebabkan fungsi buah pinggang terganggu adalah penyakit NCD yang tidak dikawal.

"Ini menyebabkan pesakit akhirnya terpaksa mendapatkan perkhidmatan dialisis untuk mencuci darah tiga kali seminggu. Inilah kesan langsung kepada mereka," katanya.

Sementara itu, laman web Program Perkhidmatan Farmasi, KKM, memaklumkan pengiklanan ubat dan produk kesihatan serta kecantikan dilarang membuat tuntutan perubatan terhadap 20 jenis penyakit bagi tujuan pencegahan, rawatan atau diagnosis.

Mengikut Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956, penyakit berkenaan adalah penyakit/kerosakan buah pinggang dan jantung, diabetes, sawan, lumpuh, batuk kering, kusta, kanser serta darah tinggi.

Selain itu, lelah, pekak, ketagihan dadah, sakit mental, kemandulan, frigiditi, lemah fungsi seks, penyakit venerus dan kelemahan urat saraf berkaitan perhubungan seks.

Katanya, pengiklanan lain dilarang adalah peningkatan fungsi buah pinggang atau jantung, peningkatan prestasi seksual dan pengukuran kandungan.

Pesakit kronik buah pinggang perlu jalani pemeriksaan berkala

Kuala Lumpur: Pesakit kronik buah pinggang perlu menjalani pemeriksaan berkala dan berusaha melambatkan keperluan dialisis.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata perkara itu boleh dilakukan bersama doktor yang merawat dengan kawalan tekanan darah, paras gula, gaya hidup sihat, berhenti merokok dan hanya menjalani rawatan diberikan.

Beliau berkata, produk atau suplemen tambahan mungkin akan lebih memudaratkan keadaan pesakit dan ia perlu dielakkan.

"Persediaan rawatan penyakit buah pinggang tahap lima sangat penting kerana khuatir komplikasi yang teruk boleh berlaku.

"Persediaan pemindahan buah pinggang atau dialisis mengambil masa sekurang-kurangnya tiga bulan seperti pemasangan fistula (untuk hemodialisis), tiub di bahagian perut (untuk dialisis peritoneal) dan perancangan bantuan kewangan rawatan.

"Persediaan awal dilakukan bersama doktor pakar yang merawat boleh mengelak komplikasi seperti kematian dan keperluan bantuan pernafasan," katanya kepada *BH*, semalam.

Kelmarin, *BH* melaporkan kira-kira 72 peratus pesakit buah pinggang di negara ini yang menjalani rawatan dialisis, dikesan lebih cenderung mengambil ubat tradisional dan ubat tambahan tanpa merujuk doktor yang merawat mereka, kerana percaya kononnya ubat hospital boleh merosakkan organ dalaman.

Pengguna perlu menjauhi membeli produk sampah yang berleluasa di media sosial. Kerajaan perlu bertegas terhadap mereka yang menjual produk sampah ini

Amrahi Buang,
Presiden Persatuan Farmasi Malaysia



Pesakit ambil ubat tradisional tanpa rujuk doktor merawat

Kuala Lumpur: Rasa panik selepas disahkan perlu menjalani dialisis dan tiada maklumat lengkap mengenai penyakit dihadapi, mendorong sesetengah pesakit buah pinggang yang menjalani dialisis mengambil ubat tradisional atau herba, tanpa merujuk kepada doktor yang merawat.

Presiden Majlis Perubatan Homeopati Malaysia (MPHM), Zainul Azmi Ahmad, berkata berdasarkan pengalamannya dan pengamal homeopati lain di bawah MPHM, pesakit kronik akan bertanya sama ada penyakit mereka boleh sembuh, tempoh akan sembuh dan kos yang perlu dibayar.

Jika berdepan kes pesakit buah

pinggang yang perlu menjalani dialisis, pihaknya akan menjejaskan ia tidak boleh pulih dan rawatan homeopati yang diberi tidak ada kaitan dengan keadaan buah pinggang pesakit.

"Kita beritahu penyakit buah pinggang adalah kisah yang tidak boleh berpatah balik, maknanya kalau sudah di tahap dua, ia tidak akan kembali seperti 20 tahun lalu. Itu yang perlu mula-mula diberitahu.

"Kadangkala, pesakit panik kerana tidak mendapat maklumat sebenar mengenai keadaan mereka. Apabila doktor kata perlu jalani dialisis dan jika dialisis tidak berjaya, mereka perlu men-

jalani pemindahan buah pinggang, mereka terus panik dan mencari jalan lain yang dianggap mudah untuk merawat penyakit.

"Memang itu ikhtiar namun ada kala mereka lupa, kita perlu menerima nasihat pakar, bukan media sosial, rakan atau ahli keluarga," katanya kepada *BH*, semalam.

Beliau mengulas laporan muka depan *BH* semalam, mengenai kira-kira 72 peratus pesakit buah pinggang di negara ini yang menjalani rawatan dialisis, dikesan lebih cenderung mengambil ubat tradisional dan ubat tambahan tanpa merujuk doktor yang merawat mereka.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

JKN rekod 1,145 kes penyakit HFMD

Kuantan: Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) merekodkan 1,145 kes penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) di seluruh Pahang sepanjang tempoh antara Januari hingga 7 Mei lalu.

Pengarah Kesihatan negeri, Datuk Dr Nor Azimi Yunus berkata, jumlah itu menunjukkan peningkatan mendadak enam kali ganda, memandangkan hanya 190 kes HFMD direkodkan bagi tempoh sama tahun lalu.

Mengulas lanjut, katanya, daripada jumlah itu 1,093 kes HFMD atau 95.4 peratus direkodkan membabitkan kanak-kanak berusia enam tahun dan ke bawah.

"Kes kedua tertinggi ialah kumpulan usia tujuh hingga 12 tahun iaitu sebanyak 43 kes (3.8 peratus), diikuti sembilan kes atau 0.8 peratus membabitkan individu berusia lebih 12 tahun.

"Daripada 1,145 kes, 138 kes atau 12.1 peratus dikenal pasti berlaku hasil penularan di taska, tadika dan prasekolah, manakala 1,007 kes atau 87.9 peratus berlaku secara sporadik," katanya.

Beliau berkata, penyakit HFMD adalah penyakit berjangkit disebabkan enterovirus dengan majoriti kes kerana Coxsackie Virus A16 dan Enterovirus 71 (EV71).

Katanya, penyakit itu boleh menjangkiti semua peringkat umur terutama kanak-kanak berusia lima tahun dan ke bawah.

Penularan COVID-19

Peningkatan kes tak jejas peralihan ke fasa endemik

2,246 jangkitan baharu direkod kelmarin

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kes harian COVID-19 dalam negara terus merekodkan peningkatan sepanjang minggu pertama Aidilfitri, dengan terkini kelmarin 2,246 lagi jangkitan baharu direkodkan.

Peningkatan itu sememangnya sudah diramal Kementerian Kesihatan (KKM), namun ia tidak akan sekali-kali menjejaskan peralihan negara ke fasa endemik.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin berkata, masyarakat perlu membiasakan diri dengan situasi berkenaan iaitu terdapat peningkatan atau penurunan dalam kes COVID-19 pada masa tertentu.

"Seperti diramalkan, terdapat sedikit peningkatan dalam kes selepas minggu pertama Syawal.

"Kita perlu membiasakan diri dengan penularan yang ada pasang dan surutnya.

"Selagi tahap keterukan (simptom jangkitan dialami pesakit) masih rendah, kita boleh meneruskan peralihan ke fasa endemik," katanya melalui Twitter, semalam.

Sebelum ini, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah menjangkakan kes baharu COVID-19 akan meningkat selepas Aidilfitri, namun majoriti dalam kategori satu dan dua.

Pada 3 Mei lalu, negara mencatatkan 922 jangkitan baharu COVID-19, yang mana kali terakhir kes harian tiga angka direkodkan pada 29 Mac tahun lalu iaitu sebanyak 941 kes.

Namun, kes harian kembali meningkat sehingga melebihi 2,000 jangkitan sehari sejak Ahad lalu.

Khairy dalam ciapan berasingan memaklumkan walaupun beralih ke fasa endemik, pihaknya akan terus meningkatkan pengawasan genomik dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

"Lebih 4,000 penjujukan diserahkan kepada Global Initiative on Sharing Avian Influenza Data (GISAID) untuk April dan ia berupaya membantu pihak KKM mengetahui varian atau subvarian yang sedang menular di negara ini, seterusnya dapat membuat perancangan sewajarnya,"

katanya.

Dalam pada itu, data COVID-NOW semalam memaklumkan Selangor mencatat jumlah jangkitan harian tertinggi dengan 1,160 kes, diikuti Kuala Lumpur (261) dan Pulau Pinang (151), Negeri Sembilan (116), Johor (104), Perak (97), Kedah (92), Melaka (51), Kelantan (46), Sarawak (39), Sabah (38), Pahang (36), Terengganu (32), Perlis (13), Labuan (enam) dan Putrajaya (empat).

Terdapat 22,368 kes aktif setakat kelmarin, dengan 21,230 (94.9 peratus) sedang menjalani kuarantin wajib di rumah.

Selain itu, 1,065 kes sedang menerima rawatan di hospital; unit rawatan rapi (ICU) dan memerlukan alat bantuan pernafasan (39), ICU dan tidak memerlukan alat bantuan pernafasan (30) serta Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) (empat).

Mengenai angka maut, hanya satu kematian akibat COVID-19 direkodkan kelmarin iaitu di Kedah, menjadikan jumlah korban akibat virus itu di negara ini meningkat kepada 35,584 kes.

Dalam pada itu 2,433 lagi kes sembuh dilaporkan, membawa kepada jumlah kumulatif 4,403,183, setakat ini.

Selagi tahap keterukan (simptom jangkitan dialami pesakit) masih rendah, kita boleh meneruskan peralihan ke fasa endemik

Khairy Jamaluddin,
Menteri Kesihatan



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : LOKAL

PELANGGARAN AKTA 728**Selangor catat kes tertinggi sehingga April**

Kuala Lumpur: Sejumlah 113 kes pelanggaran di bawah Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) dikesan Jabatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) sepanjang tempoh Januari hingga April tahun ini.

Daripada jumlah itu, Selangor catatkan kes tertinggi dengan 40 kes diikuti Kelantan (27 kes), Pulau Pinang (26 kes) dan Johor (10 kes).

Ketua Pengarahnya Shamsul Akbar Sulaiman berkata, kesalahan dan ketidakpatuhan ini termasuklah kegagalan pengimport dan pengeksport mematuhi syarat yang ditetapkan seperti tidak melepasi kaedah rawatan yang ditetapkan, gagal mengemukakan dokumen pengimportan seperti sijil kesihatan dan sijil phytosanitari, penemuan serangga perosak dan produk yang tercemar.

Katanya, daripada jumlah itu, sebanyak 90 kes dikompau dan selebihnya dikenakan tindakan rawatan semula, serta tidak dibenarkan masuk ke dalam negara.

"Selangor adalah pintu masuk utama negara produk import pertanian dan agro makanan terutamanya melalui jalan laut atau pelabuhan.

"Manakala di Kelantan pula membabitkan kes kemasukan produk pertanian melalui jalan darat secara tidak sah yang ditaban melalui kerjasama antara Maqis dengan beberapa agensi penguatkuasa lain seperti Pasukan Gerak AM (PGA), Polis Marin dan lain-lain," katanya.

Shamsul Akbar berkata, dalam suku tahun pertama ini, pengimportan tertinggi adalah daripada produk tanaman ladang seperti bijirin jagung, gandum, beras dan soya.

"Selain itu produk tenusu, buah-buahan, sayur-sayuran segar, produk ruminan dan produk ikan proses juga menyumbang kepada jumlah pengimportan.

"Sebanyak 372,376 permohonan permit dibuat pengimport dan pengeksport agro makanan negara berbanding 227,546 permit pada 2021," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : LOKAL

KENAIKAN KES MINGGU PERTAMA AIDILFITRI

Penularan ada pasang surutnya

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Kementerian Kesihatan (KKM) sudah memramalkan peningkatan kes baharu Covid-19 selepas minggu pertama perayaan Aidilfitri.

"Seperti yang diramalkan, ada sedikit peningkatan dalam kes selepas minggu pertama Syawal. Kita perlu biasakan diri dengan penularan yang ada pasang dan surutnya.

"Selagi tahap keterukan masih rendah, kita boleh teruskan peralihan ke fasa endemik," kata menternya, Khairy Jamaluddin Abu Bakar dalam ciapan di Twitter semalam.

Menurut beliau, masyarakat perlu membiasakan diri dengan situasi peningkatan atau penurunan kes Covid-19 pada masa tertentu. Sebelum ini, Ketua Pen-



Selagi tahap keterukan masih rendah, kita boleh teruskan peralihan ke fasa endemik"

Khairy

garah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah menjangka kes baharu Covid-19 akan meningkat selepas Aidilfitri namun majoriti dalam kategori satu dan dua.

Bagaimanapun, Dr Noor Hisham dilaporkan berkata, pihaknya mendapati angka harian Covid-19 selepas sempadan negara dibuka semula pada 1 April lalu mencatat trend menurun dengan 1,503 kes baharu kelmarin.

Beliau berkata, situasi itu, sekali gus menunjukkan ada imuniti kelompok dalam masyarakat di negara ini.

Pada 4 Mei lalu, negara mencatatkan kes Covid-19

tiga angka iaitu 922 kes.

Kali terakhir negara mencatat kes harian tiga angka ialah pada 29 Mac tahun lalu iaitu 941 kes.

Namun selepas seminggu Aidilfitri, kes harian kembali melepasi 2,000 kes iaitu 2,153 kes pada Ahad lalu dan 2,246 kes kelmarin.

Sementara itu, Khairy Jamaluddin pada ciapannya yang lain memaklumkan, walaupun akan beralih ke fasa endemik, pihaknya akan terus meningkatkan pengawasan genomik dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSITI) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

"Lebih 4,000 penjujukan diserahkan kepada *Global Initiative on Sharing Avian Influenza Data* (GISAID) untuk April dan ia berupaya membantu KKM mengetahui varian atau subvarian yang menular di negara ini, seterusnya dapat membuat perancangan yang sewajarnya," katanya.

1,145 kes HFMD sejak awal tahun

Kuantan: Sebanyak 1,145 kes penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) direkodkan di negeri ini sejak awal tahun ini sehingga Sabtu lalu.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Pahang, Datuk Dr Nor Azimi Yunus berkata, kes berkenaan menunjukkan peningkatan sebanyak enam kali ganda berbanding 190 kes bagi tempoh sama tahun lalu.

Katanya, kes HFMD paling banyak berlaku dalam kalangan kanak-kanak berusia 0 hingga enam tahun iaitu 1,093 kes atau 95.4 peratus.

"Kes kedua tertinggi ialah kumpulan usia tujuh hingga 12 iaitu 43 kes (3.8 peratus) dan sembilan kes atau 0.8

peratus berlaku kepada individu berusia lebih 12.

"Daripada 1,145 kes, 138 kes atau 12.1 peratus kes yang dikenal pasti berlaku hasil penularan di taska, tadika dan prasekolah.

"Manakala 1,007 kes atau 87.9 peratus adalah berlaku secara sporadik," katanya.

Beliau berkata, HFMD adalah penyakit berjangkit yang disebabkan enterovirus dengan majoriti kes disebabkan oleh Coxsackie Virus A16 dan Enterovirus 71 (EV71).

Katanya, penyakit

itu boleh menjangkiti semua peringkat usia terutama kanak-kanak yang berusia lima tahun dan ke bawah.

"Virus ini boleh merebak secara kontak dengan air liur, cecair lepuh (*blisters*) dan najis pesakit.

"Kebiasaan jangkitan ringan (*mild*) dengan gejala demam diikuti ruam melepuh (*blisters*) pada tangan, kaki, mulut dan lidah.

"Hampir keseluruhan pesakit menghidap penyakit HFMD pulih tanpa rawatan dalam masa tujuh hingga 10 hari," katanya.



DR NOR AZIMI

945,787 budak lengkap divaksin

Kuala Lumpur: Seramai 945,787 atau 26.6 peratus kanak-kanak berumur lima hingga 11 melengkapkan vaksinasi di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKIDS) setakat kelmarin.

Berdasarkan laman web Covidnow, 1,560,474 atau 43.9 peratus kanak-kanak dalam kumpulan sama menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi remaja berumur 12 hingga 17, seramai 2,898,581 atau 93.2 peratus lengkap vaksinasi manakala 2,996,030 atau 96.3 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Sejumlah 16,045,993 individu dewasa atau 68.2 peratus menerima dos penggalak manakala 22,968,441 atau 97.6 peratus melengkapkan dua dos vaksin dan 23,244,381 (98.8

peratus) menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Sebanyak 27,286 dos vaksin Covid-19 harian diberikan kelmarin membabitkan 8,290 dos pertama, 16,207 dos kedua dan 2,789 dos penggalak menjadikan jumlah keseluruhan pemberian vaksin melalui Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) kini 70,446,288.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : LOKAL

DAKWAAN KES BULI HO**JKNNS juga sudah jalankan siasatan**

Seremban: Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan (JKNNS) sudah diminta menjalankan siasatan berhubung laporan mendakwa doktor pelatih (HO) dibuli di dua hospital di Negeri Sembilan.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Ke-penggunaan negeri S Veerapan berkata, pihaknya sudah menerima aduan berkenaan pada Mac dan April lalu.

“Ada dua laporan yang diterima berhubung kes doktor pelatih dibuli.

“Seorang daripada doktor berkenaan mendakwa menerima layanan tidak sepatutnya daripada doktor pakar yang melatihnya menyebabkan dia terpaksa mengambil cuti kerana menga-

lami tekanan emosi.

“Seorang lagi mendakwa, doktor mentornya memberi penilaian tidak adil terhadap kerjanya dipercayai disebabkan isu komunikasi dan masalah peribadi antara mereka,” katanya ketika dihubungi Harian Metro di sini, semalam.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Repah berkata, pihak JKNNS akan membuat siasatan bagi mengenal pasti sama ada benar wujud elemen buli terhadap kedua-dua doktor pelatih berkenaan.

“Mana-mana doktor pelatih yang merasakan mereka menjadi mangsa buli diminta membuat aduan kepada pihak berkaitan supaya siasatan lanjut boleh dijalankan,” katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 15

RUANGAN : ADDIN

HARI JURURAWAT SEDUNIA

Pengorbanan tak ternilai

Bersama
**Mohd Rizal
Azman Rifin**

T

Jururawat Islam pertama bermula sejak zaman Rasulullah SAW lagi apabila seorang tokoh Muslimah bernama Rufaidah binti Saad dilaporkan antara Muslimah terkehadapan menghulurkan bantuan rawatan



AL-HAQ
Sehari sepotong ayat
"Dan sesungguhnya Kami sda mengetahui bahawa sda di antara kamu yang mendustakan (Al-Quran, maka Kami akan membalasnya)." (Surah al-Haqqah, ayat 49)

anggal 12 Mei setiap tahun adalah hari yang dihargai oleh segenap lapisan masyarakat di seluruh dunia kerana hari terbabit diiktiraf sebagai Hari Jururawat Sedunia. Mengapa 12 Mei yang dipilih? Mesti ada sebab asbabnya?

Ya, 12 Mei bersempena tarikh kelahiran seorang tokoh barat yang bernama Florence Nightingale yang dimasyhurkan oleh dunia sebagai perintis kepada kerjaya kejururawatan era moden secara profesional. Tokoh masyhur yang berasal dari England itu dikatakan merintis bidang perawatan kepada pesakit ketika suasana perang meletus di Eropah.

Justeru, sebagai penghargaan tertinggi dunia untuk seorang wanita yang begitu gigih berkorban masa dan keringat sepuhunya untuk memberikan rawatan pemulihan kepada pesakit menyebabkan pihak Pertubuhan Kesihatan sedunia (WHO) menjadikan tarikh kelahiran wanita berkenaan sebagai Hari Jururawat Sedunia.

Sesungguhnya, bidang dan tugas seseorang jururawat sangat besar dalam menyediakan khidmat untuk merawat pesakit di hospital. Sumbangan mereka seiring pentingnya dengan tugas seorang doktor. Bak kata orang, di mana ada doktor, maka di situ adanya jururawat. Begitu eratnya perkhidmatan kejururawatan dengan kedokteran dalam urusan merawat dan memberikan perkhidmatan kesihatan awam.

Pun demikian dalam kepekaan kita untuk menghargai jasa dan sumbangan besar wanita bernama Florence Nightingale itu kepada dunia dalam lapangan perawatan pesakit, kita tidak seharusnya lupa bahawa dunia Islam juga kurang hebatnya dalam memelopori bidang kejururawatan itu. Malah, tidak keterlaluan kalau dikatakan dunia Islam lebih awal dan mendahului masyarakat lain dalam melahirkan banyak tokoh yang begitu prihatin dan berjasa besar untuk menyalurkan sumbangan merawat dan memulihkan keadaan pesakit.

Data sejarah menunjukkan bahawa jururawat Islam yang pertama bermula sejak zaman Rasulullah SAW apabila seorang tokoh Muslimah bernama Rufaidah binti Saad dilaporkan antara Muslimah terkehadapan dalam menghulurkan bantuan rawatan kepada pihak tentera yang mengalami kecederaan di



BETAPA mulia dan tingginya bakti seseorang jururawat kepada masyarakat.

medan tempur.

Rufaidah yang lahir pada 570M dan dikatakan wafat pada 632M diiktiraf sebagai tokoh jururawat Islam paling terkenal dan sentiasa memberikan bantuan perawatan buat tentera di medan perang dan hakikat itu didedahkan oleh seorang ilmuwan Islam Kontemporari, iaitu Prof Dr Omar Hasan Kasule ketika membentangkan kertas kerjanya di Persidangan Antarabangsa Kejururawatan Ketiga yang dilangsungkan di Brunei Darussalam pada 1998. Beliau merumuskan dapatan penyelidikannya bahawa Rufaidah adalah jururawat profesional pertama dalam sejarah Islam.

Diteliti daripada sisi biografinya memaparkan bahawa Rufaidah adalah anak kelahiran dari kaum Ansur yang tinggal di Madinah dan termasuk dalam golongan awal yang menerima Islam. Ayahnya seorang doktor. Jadi, tidak hairan apabila minat dan bakat dalam bidang perawatan pesakit itu tumpah dan menyelinap dalam jiwa Rufaidah.

Apabila kita mengkaji perjalanan hidup yang penuh sumbangan kemanusiaan sebagaimana dicurahkan oleh seorang Muslimah agung itu jelas menunjukkan bahawa bidang kejururawatan ternyata suatu

bidang kerjaya yang dipelopori oleh umat biar pun tidak didendang oleh dunia sebagai pelopor ulung, namun secara hakikatnya Islam sudahpun memiliki catatan sejarah yang tiada siapa pun mampu memadamkannya.

Perang Badar yang diikuti seterusnya Perang Uhud. Begitu juga ketika tercetusnya Perang Khandak dan Perang Khaibar memahat sejarah tersendiri dalam bidang kejururawatan Islam yang mana kaum Muslimah selain membantu barisan hadapan di medan tempur menentang musuh Allah, mereka juga menjadi tulang belakang untuk memberikan

perkhidmatan rawatan dan memulihkan kecederaan yang dialami oleh tentera Muslim. Ia adalah sumbangan besar yang seharusnya kita julang setingginya atas setiap keringat yang sudah mereka hulurkan.

Di samping Rufaidah, seorang lagi tokoh Muslimah yang tidak kurang hebatnya dalam bidang perkhidmatan kesihatan awam dan komuniti ketika zaman Nabi Muhammad SAW dahulu ialah Syifa' binti Abdullah Ibnu Abd Syams al-Quraisyiyah al-Adamiyyah.

Beliau adalah Muslimah zaman Nabi SAW yang bukan sekadar hebat dalam bidang perawatan

dan pengobatan ke atas pesakit, malah beliau juga antara Muslimah yang celik huruf waktu dengan kemahiran menulis dan membaca yang sekali gus meninggalkan bekas jasa bakti yang bukan sedikit kepada sisi perjuangan Islam ketika di bumi Madinah itu.

Namun, seperti biasa keunggulannya dalam bidang kejururawatan dan perubatan itu juga tidak 'didendangkan' oleh masyarakat dunia. Lebih menyedihkan tidak kurang dalam kalangan masyarakat Islam sendiri pun kurang mengetahui mengenai dirinya. Kita lebih mengetahui dan kagum dengan Florence Nightingale daripada mengetahui secara detail terhadap jururawat ulung zaman Nabi SAW. Tidak salah kita kerana nama-nama Muslimah yang menjadi pelopor dan perintis dalam bidang kejururawatan itu tidak tercatatpun dalam mana-mana buku sejarah di sekolah. Seolah-olah mereka 'dihilangkan' daripada pandangan dunia.

Itu dari segi sejarah dan pensejarahan kejururawatan dunia baik peringkat global mahupun dalam dunia Islam sejak zaman Nabi SAW. Seperkara yang sangat perlu kita sedari dan sentiasa menghargainya tidak lain adalah betapa mulia dan tingginya sumbangan bakti seseorang jururawat kepada masyarakat.

Masyarakat di peringkat apa sekalipun sangat terhutang budi dengan perkhidmatan kejururawatan yang selama ini bekerja siang malam tanpa menghitungkan waktu. Demi amanah yang digalas, segala masalah peribadi diketepi semata-mata untuk melihat pesakit yang dirawatnya kembali berwujud ceria sebagai petanda mula sembuh seperti sediakala. Mungkin, tiada yang lebih mengembirakan hati seseorang jururawat melebihi tatkala melihat pesakit yang dirawatnya kembali sihat dan dapat menjalani kehidupan seperti biasa.

Seseorang jururawat seperti juga seorang doktor, khidmat dan sumbangan bakti mereka amat diperlukan oleh masyarakat. Mereka 'pejuang kemanusiaan' yang berjihad di jalan Allah dengan menyalurkan apa yang terkudrat demi mewujudkan kehidupan yang sihat sejahtera.

Terima kasih tidak terhingga atas sumbangan bakti kalian, wahai jururawat dan kami seluruh warga Malaysia mengucapkan, 'Selamat Hari Jururawat Sedunia.'

**Penulis Pensyarah
Kanan Jabatan Kejuruteraan
Mekanikal, Politeknik
Muadzam Shah**

Doktor dan jururawat adalah 'pejuang kemanusiaan' yang berjihad di jalan Allah dengan menyalurkan apa yang terkudrat demi mewujudkan kehidupan yang sihat sejahtera

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA

Jika kadar R-naught Covid-19 kekal pada paras 1.0 Kes boleh mencecah 20,000 minggu depan

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

PETALING JAYA – Kes harian Covid-19 di negara ini diramalkan mampu mencecah hingga 20,000 sehari pada minggu hadapan sekiranya nilai kebolehsangkitan negara atau R-naught (Rt) kekal pada paras 1.0.

Pakar Kesihatan Pekerjaan, Kecemasan dan Kesihatan Awam, Dr. Hanafiah Bashirun berkata, andaian itu dibuat berikutan peningatan nilai Rt yang dicatatkan ketika ini pada paras 0.64.

“Tidak mustahil, seminggu lagi nilai Rt mampu mencapai paras 1.0 dan kes boleh mencecah 20,000 jangkitan sehari memandangkan ada pergerakan besar-besaran rakyat ketika

sambutan Aidilfitri lalu.

“Jadi, selepas dua minggu Aidilfitri, kemungkinan negara akan menyaksikan peningkatan kes Covid-19 dan angkanya boleh mencecah sehingga 20,000 sekiranya bacaan Rt terus meningkat setiap hari,” katanya kepada Kosmo semalam.

Kelmarin, angka Covid-19 dicatatkan di negara ini menunjukkan trend peningkatan di mana jumlahnya meningkat sebanyak 2,246 berbanding 2,153 (8 Mei), 1,372 (7 Mei), 1,251 (6 Mei) dan 1,278 (5 Mei).

Nilai R-naught turut menunjukkan trend sama dengan jumlah dicatatkan sebanyak 0.64 (8 Mei), 0.54 (7 Mei) dan 0.52 (6 Mei).

Mengulas lanjut, Dr. Hanafiah memberitahu, orang ramai di-

minta supaya tidak panik dengan andaian peningkatan kes memandangkan kebanyakan jangkitan melibatkan kategori satu dan dua selain masih di bawah varian jenis Omicron.

“Selain itu, keadaan wad perubatan termasuk unit rawatan rapi (ICU) di hospital masih mencukupi sekali gus memberi terjemahan kepada persediaan pasukan kesihatan jika berlakunya lonjakan jangkitan secara mendadak.

“Paling penting, setiap rakyat perlu terus menjaga prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan dan tidak mudah leka bagi memastikan negara mampu mengawal penularan drastik kes Covid-19 khususnya selepas Aidilfitri,” jelasnya.



ORANG ramai tetap mengenakan pelitup muka semasa berada di Bukit Bintang, Kuala Lumpur semalam walaupun kerajaan tidak mewajibkan pemakaiannya di tempat terbuka.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : NEGARA

Kes HFMD meningkat enam kali ganda di Pahang

KUANTAN – Jangkitan penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) di negeri ini menunjukkan peningkatan mendadak sebanyak enam kali ganda pada tahun ini berbanding tahun lalu.

Pengarah Kesihatan Negeri, Datuk Dr. Nor Azimi Yunus berkata, sehingga 7 Mei lalu jumlah kes direkodkan tahun ini meningkat kepada 1,145 kes berbanding 190 kes dalam tempoh sama tahun

lalu.

"Kes HFMD banyak berlaku dalam kalangan kanak-kanak baru lahir sehingga berumur enam tahun iaitu sebanyak 1,093 kes bersamaan 95.4 peratus.

"Ia diikuti oleh kumpulan umur tujuh hingga 12 tahun sebanyak 43 kes atau 3.8 peratus dan sebanyak sembilan kes dengan peratusan 0.8 peratus berlaku dalam individu berumur

lebih 12 tahun," katanya di sini semalam.

Menurut Nor Azimi, daripada 1,145 kes itu, sebanyak 138 kes atau 12.1 peratus dikenal pasti berlaku hasil penularan di taska, tadika atau prasekolah, manakala 1,007 iaitu 87.9 peratus kes adalah berlaku secara sporadik.

Dalam pada itu beliau berkata, penyakit HFMD adalah penyakit berjangkit yang disebabkan oleh

enterovirus dengan majoriti kes adalah disebabkan oleh Coxsackie Virus A16 dan Enterovirus 71 (EV71).

Beliau memberitahu, penyakit itu boleh menjangkiti semua peringkat umur terutamanya kanak-kanak yang berumur lima tahun dan ke bawah.

"Virus ini boleh merebak secara kontak dengan air liur, cecair lepuh (blister) dan najis pe-

sakit, kebiasaan jangkitan adalah ringan (mild) dengan gejala demam diikuti ruam melepuh pada tangan, kaki, mulut dan lidah.

"Hampir keseluruhan pesakit yang menghidap HFMD pulih tanpa rawatan dalam masa tujuh ke 10 hari, walau bagaimanapun jangkitan EV71 boleh menyebabkan komplikasi teruk seperti *encephalitis*, *pulmonary edema* dan *myocarditis*," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Rawatan rehabilitasi Long Covid-19

Seramai 9,230 bekas pesakit Covid-19 jalani rawatan perubatan di fasiliti KKM

Oleh TUAN BUQHAIRAH
TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Seramai 9,230 bekas pesakit Covid-19 telah menjalani rawatan perubatan rehabilitasi Long Covid-19 di fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di seluruh negara, setakat April lalu.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, daripada jumlah itu, 2,798 pesakit mendapatkan rawatan pesakit dalam dan 6,432 lagi pesakit luar.

"Sebanyak 30 hingga 40 peratus pesakit Long Covid-19 da-

pat kembali bekerja dalam tempoh tiga bulan selepas dijangkiti Covid-19 manakala 60 hingga 70 peratus kembali bekerja dalam tempoh enam bulan selepas dijangkiti," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Menurutnya, Long Covid dikenali dengan meluas sebagai komplikasi atau sindrom Covid-19 berpanjangan boleh berlaku tanpa mengira tahap jangkitan Covid-19.

"Kadar prevalen di dalam negara bagi individu yang mengalami gejala Long Covid-19 setelah sembuh daripada jangkitan kategori empat dan lima adalah 65.1 peratus, di mana 61.2 peratus daripadanya mengalami lebih daripada dua gejala Long Covid-19," katanya.

Justeru, beliau berkata, bagi menangani gejala Long Covid-19 dengan berkesan dan selamat,



KHAIRY

KKM telah menerbitkan Garis Panduan Pengurusan Pasca Covid-19 Kebangsaan pada Julai 2021 sebagai sumber rujukan dan melibatkan pelbagai disiplin kepakaran termasuklah kesihatan primer, penyakit berjangkit, perubatan dalaman, nefrologi, kardiologi, respiratori, obstetrik, pediatrik, psikiatri dan perubatan rehabilitasi.

"Dengan adanya protokol Garis Panduan Pengurusan Pasca Covid-19 Kebangsaan, individu yang mengalami gejala Long Covid-19 yang ringan boleh menjalani penilaian awal serta rawatan di mana-mana klinik kesihatan terdekat di seluruh negara.

"Bagi individu yang mengalami gejala Long Covid-19 yang serius sehingga menjejaskan kefungsiannya yang ketara serta menjejaskan keupayaan untuk kembali bekerja, mereka boleh dirujuk oleh ke-

APA ITU LONG COVID?

Long COVID atau Post Covid Syndrome merupakan suatu keadaan di mana bekas pesakit COVID-19 masih mengalami simptom.

Rujukan antarabangsa NICE Guideline menyatakan pesakit COVID-19 berkemungkinan kekal mengalami beberapa simptom bagi tempoh 12 minggu atau lebih.

Antara simptom berpanjangan termasuk;

- SAKIT BADAN / LESU
- LEMAH INGATAN & KURANG DAYA TUMPU
- KESUKARAN BERNAFAS

pada hospital dengan kepakaran perubatan rehabilitasi," katanya.

Ujarnya, perubatan rehabilitasi merupakan kepakaran perubatan yang memberikan fokus

kepada peningkatan kefungsiannya individu melalui diagnosis, rawatan kesihatan, mengurangkan kehilangan upaya serta pencegahan komplikasi.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : NASIONAL

Orang ramai dinasihat mengambil langkah pencegahan untuk mengurangkan risiko dijangkiti

Oleh NIK AMIRUL MU'MIN NIK MIN

KUANTAN

Kes penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) di negeri Pahang meningkat enam kali ganda kepada 1,145 kes sehingga 7 Mei lalu berbanding hanya 190 kes dalam tempoh sama tahun 2021.

Pengarah Kesihatan Negeri Pahang, Datuk Dr Nor Azimi Yunus berkata, kes HFMD yang direkodkan banyak berlaku dalam kalangan kanak-kanak berumur 0 hingga enam tahun dengan 1,093 kes atau 95.4 peratus, diikuti kumpulan umur tujuh hingga 12 tahun sebanyak 43 kes (3.8 peratus) dan sembilan kes (0.8 peratus) melibatkan individu berumur lebih 12 tahun.

Menurutnya, daripada keseluruhan 1,145 kes tahun ini, 138 kes atau 12.1 peratus adalah kes yang dikenal pasti berlaku hasil penularan di taska, tadika dan prasekolah, manakala 1,007 (87.9 peratus) kes berlaku secara sporadik.

"HFMD merupakan pe-



DR NOR AZIMI

Kes HFMD yang direkodkan banyak berlaku dalam kalangan kanak-kanak berumur 0 hingga enam tahun dengan 1,093 kes atau 95.4 peratus, diikuti kumpulan umur tujuh hingga 12 tahun sebanyak 43 kes (3.8 peratus) dan sembilan kes (0.8 peratus) melibatkan individu berumur lebih 12 tahun."

nyakit berjangkit disebabkan enterovirus dengan majoriti kes disebabkan Coxsackie Virus A16 dan Enterovirus 71 (EV71).

"Penyakit ini boleh menjangkiti semua peringkat umur terutama kanak-kanak berumur lima tahun ke bawah," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Dr Nor Azimi berkata, virus itu boleh merebak secara kontak dengan air liur, cecair lepuh dan najis pesakit.

"Kebiasaan jangkitan adalah ringan dengan gejala demam diikuti ruam melepuh pada tangan, kaki, mulut dan lidah.

"Bagaimanapun hampir keseluruhan pesakit HFMD pulih tanpa rawatan dalam masa tujuh hingga 10 hari," katanya.

Beliau berkata, bagi jangkitan melibatkan EV71, komplikasinya lebih teruk seperti encephalitis, pulmonary edema dan myocarditis.

Justeru katanya, Jabatan Kesihatan Negeri Pahang menasihati orang ramai untuk mengambil langkah pencegahan untuk mengurangkan risiko dijangkiti.

"Antaranya, basuh tangan dengan sabun dan air bersih

selepas menggunakan tandas, sebelum menyediakan makanan, selepas menukar lampin dan mencuci pajis kanak-kanak.

"Sentiasa mengekalkan kebersihan di rumah dan persekitaran, tutup mulut dan hidung semasa batuk dan bersin, jangan berkongsi pakaian, tuala, perkakas, makanan dan minuman serta alat mainan anak," katanya.

Dr Nor Azimi berkata, segera bawa kanak-kanak ke klinik atau hospital terdekat jika mereka mempunyai tanda-tanda atau gejala jangkitan.

"Ibu bapa dinasihatkan agar tidak membawa anak-anak yang bergejala ke tempat awam," katanya.

Tambah beliau, pengusaha dan penjaga di taska, tadika, tabika dan prasekolah diminta supaya sentiasa memastikan kebersihan premis terutama peralatan dan perkakasan yang digunakan kanak-kanak.

"Saringan juga perlu dibuat di pintu masuk bagi memastikan kanak-kanak yang hadir tiada tanda-tanda jangkitan HFMD.

"Bagi kanak-kanak dengan gejala dinasihatkan untuk tidak hadir ke sekolah bagi mengelakkan jangkitan," ujar beliau.

Menurutnya, langkah disinfeksi atau nyahkuman permukaan yang tercemar juga dapat mengurangkan risiko jangkitan.



Laporan muka depan Sinar Harian pada Selasa.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 26

RUANGAN : SINAR NEGERI

Segera bawa anak untuk divaksin


Kerajaan Pulau Pinang bimbang kadar vaksin PICKids masih rendah

Oleh SYAJARATULHUDA
MOHD ROSLI

GEORGETOWN

Ibu bapa di negeri ini diminta supaya segera membawa anak-anak di bawah jagaan masing-masing untuk mendapatkan suntikan vaksin Covid-19.

Ketua Menteri, Chow Kon Yeow berkata, data oleh Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) untuk peratusan pencapaian Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-kanak (PICKids) bagi Pulau Pinang sehingga 8 Mei adalah 49.5 peratus untuk dos pertama dan 37.7 peratus untuk dos kedua.



Peratusan PICKids di Pulau Pinang membimbangkan apabila data menunjukkan 49.5 peratus untuk dos pertama dan 37.7 peratus untuk dos kedua.

“Kadar pencapaian ini agak membimbangkan yang mana, JKNPP menyatakan bahawa kanak-kanak yang dijangkiti Covid-19 adalah berisiko mengalami sindrom keradangan multi sistem pada kanak-kanak atau *multisystem inflammatory syn-*

drome in children (MIS-C) yang amat berbahaya dan boleh membawa kematian.

“Oleh itu, kerajaan negeri meminta ibu bapa segera membawa anak mereka untuk mendapatkan vaksin. Ibu bapa perlu membuat keputusan yang betul dengan

membawa anak masing-masing mendapatkan suntikan vaksin sebelum 15 Mei ini khususnya di pusat-pusat pemberian vaksin (PPV) yang masih beroperasi secara *walk-in*,” katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Ujarnya, ibu bapa dinasihatkan membawa anak mereka sebelum tarikh tersebut bagi mengelakkan mereka menanggung kos suntikan itu sendiri.

“Tarikh tersebut merupakan tarikh akhir yang ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi PICKids membabitkan kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun. Selepas tarikh itu, sebarang suntikan vaksin adalah atas tanggungan sendiri,” jelasnya.

Tambah Kon Yeow, kerajaan negeri akan meneruskan pelbagai usaha dan inisiatif dalam meningkatkan kadar suntikan sedia ada di samping sentiasa berada dalam keadaan siap siaga bagi menghadapi segala kemungkinan

yang melibatkan ancaman virus Covid-19.

Sehingga 26 April 2022, kadar pemberian dos penggalak kepada warga emas adalah 76.8 peratus, manakala kadar pemberian dos satu dan dua untuk kanak-kanak adalah masing-masing 42.3 peratus dan 21.4 peratus.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, kadar vaksinasi kanak-kanak amat membimbangkan apabila mengambil kira tarikh tutup 15 Mei yang semakin hampir.

Khairy berkata, kementerian tidak akan memanjangkan lagi tempoh pelaksanaan PICKids.

Keputusan itu, katanya, berdasarkan beberapa faktor, termasuk memastikan stok vaksin Pfizer mencukupi untuk mereka yang mencecah usia lima tahun pada tahun ini, selain berkait dengan tarikh luput vaksin, serta usaha mendapatkan ubat anti-viral.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
 MUKA SURAT : 9
 RUANGAN : DALAM NEGERI

Pengalaman getir pesakit Covid-19 selepas 21 hari ditidurkan

'Saya tak ingat siapa isteri saya'

Oleh SAFINA RAMLI
 utusannews@mediamulia.com.my

GEORGETOWN: 'Bagai peluang kedua untuk hidup.'

Itu gambaran Mohd. Fadhi Abd. Latib, 39, ketika mengimbas kembali pengalamannya yang terpaksa ditidurkan 21 hari akibat Covid-19 pada Ogos tahun lalu.

Lebih memilukan, selepas seminggu ditidurkan di Hospital Pulau Pinang (HPP), bapanya, Abd. Latif Mohd Ali, 71, meninggal dunia juga kerana dijangkiti virus sama, malah sebagai anak, Mohd. Fadhi tidak dapat menatap wajah ayahnya buat kali terakhir.

Selain arwah bapanya, isteri, Siti Hajar Arshad, 34, dan anak mereka, Luqman Athar, 8, turut dijangkiti Covid-19, namun mereka bernasib baik kerana cepat pulih.

Mohd. Fadhi, kakitangan di Universiti Sains Malaysia (USM) berkata, tempoh pemulihan selepas sedar daripada ditidurkan amat getir seperti kehilangan berat badan lebih 20 kilogram.

"Saya tidak dapat berjalan selepas keluar dalam tempoh lebih sebulan kerana kaki kiri saya tidak dapat bergerak disebabkan



MOHD. FADHI ABD. LATIB membantu perniagaan isterinya, Siti Hajar Arshad dengan menyusun bekas kuih ditempah pelanggan di rumah mereka di Sungai Dua, Georgetown semalam. - UTUSAN/IQBAL HAMDAN

virus Covid-19 menyerang saraf.

"Saya bernasib baik kerana isteri dan ahli keluarga serta rakan-rakan banyak membantu dalam proses kepada pemulihan saya," katanya ketika ditemui di Sungai Dua, di sini baru-baru ini.

Menurut Mohd. Fadhi, Co-

vid-19 turut membuatkan dia seperti hilang ingatan sebaik sahaja sedar daripada tidur seperti tidak mengingati siapa isterinya.

"Ketika isteri datang bertemu saya selepas sedar, saya bertanya siapa wanita ini.

"Proses ingatan saya untuk pu-

lih berjalan perlahan-lahan dan kini hanya kaki saya tidak mampu bergerak atau berjalan terlalu lama, ingatan telah pulih sepenuhnya," katanya.

Tambahnya, sebagai bekas pesakit Covid-19 dia menasihatkan orang ramai supaya sentiasa



MOHD. FADHI ABD. LATIB semasa ditidurkan di Hospital Pulau Pinang akibat dijangkiti Covid-19 pada Ogos tahun lalu.

berhati-hati kerana wabak itu masih wujud dalam kalangan masyarakat.

"Kita tidak boleh leka dan lalai, perlu sentiasa patuh kepada prosedur operasi standard (SOP), seperti pakai pelitup muka serta menjaga kebersihan diri,"katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS / NATION

It is a busy scene at Terminal Bersepadu Selatan on Sunday as people return to the capital after the Hari Raya Aidilfitri holidays.

BERNAMA PIC



POST-RAYA

COVID-19 INFECTIONS AND ADMISSIONS ON THE RISE

2,246 cases reported on Monday, the highest daily figure since April 30

KUALA LUMPUR

NEW Covid-19 cases and hospital admissions are on the upward trajectory post-Hari Raya Aidilfitri.

On Monday, 2,246 new infections were reported to the Health Ministry, the highest daily figure since April 30, before the long festive holiday kicked off.

The daily toll has since been climbing steadily. On May 3, the

country logged three-digit cases at 922 which jumped to 1,054 the following day. A total of 1,251 cases were recorded on May 6, 1,372 on May 7 and 2,153 on May 8.

A total of 4,461,135 people have been infected with the coronavirus since the pandemic started two years ago.

Hospital admissions have been on the rise since May 6 with 455 Covid-19 patients admitted compared with 373 on May 5.

Between 450 and 500 Covid-19 patients were admitted in past few days. A total of 447 patients were admitted on May 7, 468 on May 8 and 481 yesterday.

The number of active Covid-19 cases is, however, steadily declining with 22,368 people infected with the coronavirus.

About 95 per cent of them are

undergoing home quarantine, 4.8 per cent or 1,065 patients are receiving treatment at hospitals and four at Covid-19 quarantine and treatment centres.

Some 69 patients have been warded at the Intensive Care Units (ICU) with 39 on ventilator support.

As for healthcare capacity, 58.2 per cent of hospital beds are in use, with 55.1 per cent of ICU beds occupied and 34.4 per cent of ventilators being used. This included bed usage for Covid-19 and non-Covid-19 patients.

Only one Covid-19-related death was recorded yesterday. The death toll now stands at 35,584.

Meanwhile, Health Minister Khairy Jamaluddin tweeted that as long as the Covid-9 severity remained low, the country could continue its transition towards endemicity.

"As forecasted, there is a slight uptick in cases after the first week of Syawal. We need to get used to waves that will peak and recede. As long as the severity remains low, we can continue to transition towards endemicity," he said.

In **George Town**, the Penang government has urged parents to take their children for vaccination immediately under the Covid-19 Immunisation Programme for Children (PICKids).

Its chief minister, Chow Kon Yeow, said the state Health Department had, at the state secu-

riety special committee meeting on Covid-19 management yesterday, revealed that only 49.5 per cent of children had received the first dose of the Covid-19 vaccine and 37.7 per cent of children had the second dose up to May 8.

"The figures are worrying. The state Health Department said children who contract Covid-19 are at risk of Multi-System Inflammatory Syndrome in Children (MIS-C), which is highly dangerous and can prove fatal.

"As such, pity our children. As parents, we have to make the right decision to have the children vaccinated."

Chow said parents could take their children for vaccination before May 15 at vaccination centres, which still allowed walk-ins.

The ministry has set May 15 as the last day for PICKids, which involves children aged 5 to 11. After the time frame, parents will have to pay for the vaccination.

Chow said the state government would continue with efforts to increase the rate of vaccination.

"We are on standby to face any possibilities involving Covid-19."

PICKids, which began in the Klang Valley on Feb 3, kicked off in Penang on Feb 7.

It initially involved children with comorbidities and those in the high-risk group before it was opened to all.

Penang has about 160,000 children aged between 5 and 11.

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Almost 950,000 children fully vaccinated

KUALA LUMPUR: A total of 945,787 children aged between five and 11 years, or 26.6% of the group, have completed their vaccination under the National Covid-19 Immunisation Programme for Children as of Monday.

Based on the CovidNOW website, a total of 1,560,474 children in the age group, or 43.9%, have received at least one dose of the vaccine.

For adolescents aged between 12 and 17, a total of 2,898,581 individuals or 93.2% of the population have completed the vaccination, while 2,996,030 or 96.3% have received at least one dose.

As for adults, a total of 16,045,993 individuals, or 68.2% of the group, have received the booster dose, while 22,968,441 individuals, or 97.6%, have completed both doses of the vaccine and 23,244,381 individuals or 98.8% have received at least one dose.

As of Monday, a total of 27,286 doses of the Covid-19 vaccine were dispensed, with 8,290 first dose, 16,207 second dose and 2,789 booster dose, bringing the cumulative number of vaccine doses administered under the National Covid-19 Immunisation Programme to 70,446,288.

According to the Health Ministry's GitHub portal, only one death due to Covid-19 was reported, which was in Kedah. - Bernama

PICKids inoculation in Penang slow

GEORGE TOWN: The Penang government is concerned with the slow progress of the National Covid-19 Immunisation Programme for Children (PICKids) in the state, with only 49.5% of its population of children aged between five and 11 years having received the first dose and 37.7% given the second dose as of May 8.

As such, Chief Minister Chow Kon Yeow called on parents to vaccinate their children immediately.

He said the statistics were shared by the State Health Department, through the State Special Security Committee on Covid-19 Management at a meeting yesterday.

"The State Health Department has also informed us that children infected with Covid-19 are at risk of developing Multi System Inflammatory Syndrome, which is dangerous and can lead to death," he said in a statement yesterday.

He said parents need to make the right decision and get their children vaccinated before May 15, the deadline set by the Health Ministry for PICKids, after which they would have to pay for the injection. - Bernama

Pahang records six-fold rise in hand, foot and mouth cases

KUANTAN: The Pahang Health Department recorded a total of 1,145 cases of hand, foot and mouth disease as of Saturday, a six-fold increase compared with only 190 cases in the corresponding period last year.

Its director Datuk Dr Nor Azimi Yunus said of the total, 138 cases or 12.1% were detected in nurseries, kindergartens and pre-schools while 1,007 cases or 87.9% were sporadic.

She said the disease mostly infected children aged six and below, with 1,093 cases, followed by 43 cases involving those aged seven to 12, with the rest comprising children aged above 12.

"This disease can infect all ages, especially children aged five and below. The virus can spread through direct contact with saliva, blisters and faeces of those infected.

"The infection is usually mild,

with symptoms of fever followed by blister-like rash on the hands, feet, mouth and tongue. Almost all patients of the disease recover without treatment within seven to 10 days," she said in a statement yesterday.

Nor Azimi said operators and caretakers of nurseries, kindergartens, and pre-schools should ensure basic hygiene and cleanliness are maintained at all

times, and they should also screen the children at the entrance of their premises to make sure no child is infected.

Apart from that, the people are advised to wash their hands with soap after using the toilet, before preparing food and after changing diapers.

She also advised parents and guardians not to take infected children to public places. - Bernama